



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : DISEMBER / 17 / 2024

M/S : 24

Rasionalisasi subsidi RON95 modal projek infrastruktur

Terbitan dana baharu dijangka biayai pelbagai projek PPP seperti LRT Pulau Pinang, Pan Borneo Sabah

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi petrol RON95 dijangka mewujudkan modal baharu kepada kerajaan bagi memulakan projek infrastruktur awam atau digunakan sebagai dana permulaan/jaminan kewangan untuk projek di bawah kerangka kerjasama awam-swasta (PPP).

Penganalisis CIMB Securities, Mak Hoy Ken, berkata terbitan modal baharu itu dijangka mendanai pelbagai projek PPP termasuk Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, peluasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan projek Pan Borneo Sabah.

"Selain Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), momentum tender juga akan disokong

oleh peningkatan jumlah projek berasaskan PPP untuk kilang berteknologi tinggi, lebuhraya, tenaga boleh diperbaharui dan projek berkaitan perubahan iklim," katanya dalam nota satu penyelidikan.

Melalui Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030), kerajaan menasaskan untuk menjana pelaburan bernilai RM78 bilion melalui 17 inisiatif utama menjelang 2030.

Justeru, seiring dengan pembangunan kemudahan teknologi maju (ATF) lain, Hoy Ken percaya bahawa tiga syarikat pembinaan utama iaitu Gamuda Bhd, IJM Corp Bhd dan Sunway Construction Group Bhd (SunCon) akan terus berkembang menerusi pertumbuhan pusat data di Malaysia.

"Gamuda dah IJM Corp memanfaatkan kepakaran digital mereka dan kemudahan Sistem Binaan Berindustri (IBS) untuk mendapatkan kontrak bernilai tinggi daripada pembangun hiperskala yang sensitif terhadap masa, manakala SunCon memperoleh kontrak pusat data bernilai RM2.7 bilion setakat tahun ini, mewakili 68 peratus daripada kontrak baharunya," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan pembinaan pusat data berskala besar dapat dikekal-

kan, Gamuda memperluaskan capaian melalui model kerjasama bersepadu dengan bertindak sebagai pemaju projek yang menyelesaikan bukan sahaja keperluan kontrak, malah penyediaan tanah, air dan bekalan kuasa untuk pelabur pusat data.

Pembangun skala besar

"Melalui tawaran unik ini, kami yakin bahawa Gamuda berada pada kedudukan sebagai rakan penyampaian pilihan bagi beberapa pembangun skala besar yang telah mengumumkan rancangan pelaburan besar di Malaysia. Ini disokong oleh pengembangan kilang IBS digital di Banting dan Sepang, Selangor yang dapat menampung sehingga lapan pembinaan pusat data serentak dalam jangka masa singkat.

"Kami juga menjangkakan aliran pesanan yang mampan daripada empat lebuhraya baharu yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, projek tenaga boleh diperbaharui, dan projek berkaitan perubahan iklim, termasuk kerja tebatan banjir," katanya.

Seperti projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua bernilai RM3 bilion, CIMB Securities menjangkakan IJM Corp mungkin mempunyai kelebi-

han apabila permintaan untuk cadangan sambungan selatan Lebuhraya West Coast (WCE) diumumkan, memandangkan kumpulan itu adalah pencadang asal lebuhraya pesisir yang sedia ada sepanjang 233 kilometer dari Banting ke Taiping.

"Sekiranya cadangan terowong banjir bawah tanah Selangor bernilai RM6 bilion mendapat kelulusan Persekutuan, kami percaya ini boleh menjadi pemangkin kepada peningkatan semula skim mitigasi banjir berskala besar di kawasan kritikal.

"Jika dilaksanakan dalam satu pakej, ini mungkin memberi kelebihan kepada kontraktor tersenarai dengan kunci kira-kira yang kukuh seperti Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), IJM Corp dan Gamuda, yang sebelum ini mencadangkan terowong SMART2 untuk menyelesaikan masalah banjir teruk di kawasan barat Lembah Klang.

"Selain itu, formaliti kerangka JS-SEZ (dijangka pada Januari 2025) akan merangsang potensi nilai kontrak baharu di Johor dan memberikan dorongan baharu untuk projek Rel Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (HSR) serta projek LRT Johor/Transit Aliran Autonomi," katanya.